



# SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PERUTUSAN  
YANG BERHORMAT  
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR  
MENTERI KESIHATAN  
SEMPENA HARI KESIHATAN SEDUNIA**

**7 APRIL 2022**

**TEMA:  
'Planet Kita, Bumi Kita'  
(Our Planet, Our Earth)**

1. Hari Kesihatan Sedunia disambut pada setiap 7 April di seluruh dunia sempena memperingati penubuhan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1948. Setiap tahun, sambutan Hari Kesihatan Sedunia akan diraikan dengan tema yang berbeza dan ianya dijadikan sebagai salah satu platform utama untuk menarik perhatian orang ramai mengenai isu- isu global kesihatan semasa. Pada tahun ini, WHO telah memilih tema "Planet kita, bumi kita" (*Our planet, our earth*), yang bertujuan untuk memberikan peringatan bahawa udara yang segar, air yang bersih dan makanan yang selamat adalah sangat penting bagi kesihatan dan kesejahteraan semua penduduk dunia.
2. Di dalam masa dunia bergelut dengan Pandemik COVID-19 dan juga dengan meningkatnya penyakit-penyakit seperti kanser, asma dan penyakit jantung di seluruh dunia, WHO juga menyeru agar negara-negara dunia akan terus komited dan tidak mengabaikan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan alam persekitaran yang bersih untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan seluruh masyarakat akan sentiasa terjamin. WHO menganggarkan lebih 13 juta kematian di dunia berlaku setiap tahun disebabkan oleh pencemaran alam sekitar. Ini juga termasuk perubahan iklim yang merupakan ancaman terbesar yang menghadapi seluruh penduduk bumi pada ketika ini.
3. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, kita sangat beruntung kerana negara ini mempunyai purata indeks udara yang bersih dan semua rakyat dan penduduk di negara ini mempunyai akses kepada air dan makanan yang bersih dan selamat.

Sebagaimana yang telah dapat dilihat di seluruh dunia, COVID-19 telah memberikan impak yang lebih serius kepada golongan yang lebih mudah terkesan (vulnerable groups), terutamanya mereka yang tinggal di kawasan yang mempunyai udara yang tercemar dan tidak mempunyai akses kepada air bersih serta makanan yang sihat dan selamat. Malahan, bukan sahaja dari aspek kesihatan, ianya juga memberikan kesan buruk kepada ekonomi dan kestabilan sosial masyarakat.

4. Sebahagian besar punca bagi krisis perubahan iklim adalah disebabkan oleh kegiatan manusia sendiri. Lebih 90% pencemaran udara adalah disebabkan oleh pembakaran minyak fosil. Peningkatan suhu panas permukaan bumi boleh menyebabkan peningkatan kepada pembiakan nyamuk dengan lebih cepat dan meluas iaitu vektor pembawa penyakit seperti denggi dan malaria. Keadaan cuaca ekstrim dan pembangunan yang terlalu pesat juga boleh menyebabkan kehilangan nyawa dan masyarakat juga boleh kehilangan tempat tinggal dan sumber pendapatan. Kita juga telah menyaksikan, pencemaran bukan saja terhadap kepada permukaan tanah, tetapi ianya juga terjadi kepada kehidupan laut seperti pembuangan plastik yang berleluasa.
  
5. Oleh itu, Kementerian Kesihatan ingin menyeru kepada orang ramai, di dalam kita sedang bergiat aktif di dalam pemulihan daripada kesan-kesan Pandemik COVID-19 ini, marilah kita sama-sama berganding bahu dan berkerjasama juga dalam memastikan kehidupan yang lebih mampan supaya kesejahteraan rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam serta seluruh penduduk bumi akan sentiasa terjamin. Kita hendaklah bersama-sama bertanggungjawab dalam memastikan alam persekitaran kita sentiasa bersih dan bebas dari pencemaran serta membudayakan "health in all policies" iaitu di mana setiap tindakan dan kegiatan yang kita lakukan mengambilkira kesannya kepada kesihatan dan bumi.

**-TAMAT-**